

melaksanakan pindaan Akta 588 bagi menambah baik rangka kerja kawal selia dan penguatkuasaan sedia ada.

Kementerian tidak berhasrat untuk menyekat laman sosial Facebook serta kemudahan platform Telegram, WhatsApp dan lain-lain kerana sebahagian besar rakyat Malaysia menggunakan kemudahan ini untuk berkomunikasi, aktiviti keusahawanan dan sebagainya.

Pihak SKMM hanya menerima sejumlah 1368 aduan berhubung penyalahgunaan media sosial antara Januari sehingga September 2015 kes Alvin Tan didakwa dibawah Subseksyen 5 (1) Akta Penapisan Filem 2002 dan Akta Hasutan 1948 dimana kes tersebut sedang disiasat oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Pihak SKMM akan memberikan kerjasama dan bantuan kepada pihak polis sekiranya diperlukan.

Selain itu, dari tahun 2009 sehingga September 2015, pihak SKMM secara khusus telah mendakwa sebanyak 35 kes di mahkamah, atas kesalahan-kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 termasuklah kesalahan seperti menghina institusi diraja, menghina agama dan sebagainya. Langkah penguatkuasaan ini akan diteruskan dari semasa ke semasa.